

GARIS PANDUAN PENUBUHAN UNIT KOLABORASI KOORDINASI PENYELIDIKAN (RCC@USM)

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

1. Pengenalan dan Objektif

Unit RCC@USM atau Unit Koordinasi Kolaborasi Penyelidikan merupakan satu platform untuk menterjemahkan kerjasama yang terjalin di antara USM dan institusi pendidikan atau penyelidikan luar kepada hubungan yang nyata dan berimpak. Unit RCC@USM adalah program yang memberi peluang kepada penyelidik USM untuk menstrukturkan semula kolaborasi yang telah terjalin melalui MoUs dan MoAs kepada bentuk kerjasama yang lebih kukuh, bermanfaat dan lebih bermakna. Melalui kolaborasi ini, pelbagai aktiviti yang memberikan manfaat bersama dapat dijalankan melalui geran padanan, pembangunan bakat, inovasi penyelidikan, penerbitan dan kerjasama industri dan komuniti.

2. Kepentingan

Ekosistem penyelidikan hari ini melihat keperluan penyelidik USM untuk merealisasi, membangun dan memperkukuhkan jaringan kolaborasi dengan institusi antarabangsa. Kolaborasi penyelidikan akan membantu USM dari aspek:

- a. Pengurusan peningkatan kos penyelidikan dan pembangunan modal insan,
- b. Mengoptimumkan akses kepada geran dalaman dan kebangsaan yang terhad,
- c. Memastikan kelestarian dan impak tinggi dalam perkongsian antarabangsa,
- d. Mempertingkatkan penandaarasan dan reputasi USM di peringkat global,
- e. Menggalakkan mobiliti bakat serta pembangunan kemahiran penyelidik,
- f. Meransang inovasi dan pengkomersialan hasil penyelidikan serta
- g. Menyokong agenda strategik pendidikan dan penyelidikan negara

3. Fokus

Kolaborasi yang strategik ini mendorong penyelidik USM bersama institusi pendidikan atau penyelidikan luar untuk menjalin kerjasama baharu atau mempertingkatkan kerjasama sedia ada dengan memfokuskan kepada beberapa aspek antaranya:

- a. Pembangunan bakat melalui pembiayaan khusus bagi melatih bakat penyelidikan seperti pelajar, pasca siswazah, staf USM atau penyelidik muda.
- b. Perkongsian kos melalui sumbangan kewangan atau kepakaran untuk latihan bakat, aktiviti penyelidikan dan kemudahan penyelidikan.
- c. Perolehan pembiayaan geran luar seperti geran antarabangsa, geran padanan dan geran industri.
- d. Penerbitan artikel berindeks seperti penerbitan bersama, produk pengkomersialan, paten dan polisi *implementation*.
- e. Kelestarian kerjasama jangka panjang melalui perangkaan pelan strategik RCC.

4. Penandaaras Unit RCC@USM

Unit RCC@USM menetapkan beberapa tandaaras (KPI) yang perlu dicapai, antaranya:

- a. Ijazah bersama (*Dual Degree*)
- b. Pertukaran pelajar
- c. Projek penyelidikan bersama
- d. Penyelidikan bersama pelajar sarjana/PhD
- e. Perolehan geran antarabangsa
- f. Latihan bakat/staf penyelidikan/penyelidik muda
- g. Penulisan berimpak (artikel jurnal/kertas polisi/paten)
- h. Penerbitan bersama (artikel jurnal – WoS/SCOPUS)
- i. Inovasi melalui projek industri atau komuniti

5. Dana yang disediakan

Penyelidik boleh memohon dana geran padanan (maksimum 4 geran padanan untuk setiap RCC). Selain daripada itu, penyelidik boleh memohon pembiayaan luar pembiayaan luar atau

*skim pembiayaan universiti yang lain seperti I²S bagi tujuan menjalankan aktiviti di bawah:

- a. Lawatan Penyelidikan (dengan jemputan)
- b. Mesyuarat (kerjasama dalam penyebaran hasil penyelidikan)
- c. Sangkutan Penyelidikan
- d. Kerja Lapangan

*Bergantung kepada peruntukan semasa universiti

6. Syarat dan Kriteria Permohonan

- a. Terbuka kepada semua staf akademik yang mempunyai MoUs dan MoAs bertaraf **AKTIF** dalam tempoh **LIMA** tahun selepas MoUs dan MoAs.
- b. Permohonan perlu disokong oleh penglibatan dan kerjasama pihak pengurusan atasan institusi luar.
- c. Permohonan perlu disertakan **Kertas Cadangan**. Kertas Cadangan ini perlu dikemukakan kepada Pejabat Pengurusan dan Kreativiti Penyelidikan (RCMO).
- d. Kertas cadangan perlu menerangkan:
 - i. Objektif dan justifikasi kepentingan kolaborasi kepada universiti (merujuk kepada lima bidang Pelan Strategi USM: SO1-SO5).
 - ii. Profail institusi luar (keutamaan diberikan kepada Top 100 Universiti merujuk kepada *QS World University Rankings*).
 - iii. Sekurang-kurangnya tiga (3) unit pengajian yang terlibat (kluster yang berbeza)
 - iv. Menyatakan *Top Scholar* atau *Top Centre* (penyelidikan) yang terlibat dalam kolaborasi
 - v. Aktiviti dan hasil kolaborasi yang telah dan sedang dijalankan
 - vi. Cadangan program/aktiviti berimpak yang akan dilaksanakan (perlu selari dan menyokong agenda USM).
 - vii. Bidang penyelidikan yang terlibat.
 - viii. Tahap penglibatan dan komitmen kedua-dua institusi.
 - ix. Lampiran yang menyokong kepada keperluan pembentukan Unit RCC@USM
- e. Permohonan dibuka sepanjang tahun.
- f. Penilaian akan dibuat berdasarkan Kertas Cadangan.
- g. Kertas cadangan yang tidak memenuhi kriteria di atas akan dicadangkan beroperasi sebagai Unit RCC-*Emerging* (RCC-E@USM).